

KETOKOHAN SHEIKH NURUDDIN AL-BANJARI DAN SUMBANGANNYA DALAM DAKWAH ISLAMIYYAH

Wan Nur Aina Binti Wan Kamaruddin¹
'Izzatul 'Aliaa Binti Ahmad Baihaki²
Syed Najihuddin Syed Hassan³

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: wnuraina@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: aliaaizzatul@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Al-Fadhil Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin bin Haji Marbu bin Abdullah Thayyib Al-Banjari merupakan seorang tokoh yang terkenal dengan ilmunya dalam bidang Al-Quran dan As-Sunnah. Beliau mengambil kesempatan dan menumpukan perhatiannya dalam mencurahkan ilmu kepada para pelajar yang menuntut di Universiti al Azhar dan juga di Malaysia. Di samping itu, beliau merupakan seorang ulama yang di kenali ramai, kerana sering dijemput untuk mengadakan kelas pengajian kitab mahupun ceramah bulanan atau mingguan di mana-mana sahaja sama ada di masjid, sekolah, majlis perayaan agama dan sebagainya untuk menyampaikan dakwah Islamiyyah. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan ketokohan Syeikh Nuruddin Al-Banjari dari sudut biografi dan pengalaman hidup beliau. Selain daripada itu, hasil karyanya turut dibahaskan dalam kajian ini. Melalui metodologi kualitatif dengan merujuk kepada artikel dan jurnal yang diterbitkan berkisar tentang pengalaman hidup beliau sekali gus menganalisis karya-karya yang beliau terbitkan. Hasil kajian ini mendapati bahawa sumbangan Syeikh Nuruddin Al-Banjari amatlah besar dan meluas terhadap dakwah Islamiyyah dan juga perkembangan ilmu dalam setiap bidang Al-Quran dan As-Sunnah seperti Al-Quran, Hadis, Feqah dan sebagainya. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa sumbangan dan bakti yang dicurahkan oleh Syeikh Nuruddin Al-Banjari banyak memberi dorongan dan galakan terhadap masyarakat khususnya dalam perkembangan ilmu pada zaman kini.

Kata Kunci: Sumbangan, Syeikh Nuruddin Al-Banjari, Dakwah Islamiyyah, Ilmu

Pengenalan

Dakwah Islamiyyah menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka (2017), secara umumnya bermaksud istilah dakwah yang khusus dalam Islam. Ia merupakan satu kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap muslim yang mempunyai kemampuan, dalam sebarang bentuk dan dalam setiap kesempatan. Dakwah merupakan tugas para Rasul dan perintah yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW semenjak agama Islam diturunkan. Banyak perintah Allah yang ditujukan kepada Rasullullah supaya melaksanakan tugas tersebut secara

berterusan, seperti firman Allah yang bermaksud: “Dan serulah ia kepada Tuhan engkau, sesungguhnya engkau di atas petunjuk yang lurus” (Al-Haj; 67).

Di Malaysia, terdapat banyak tokoh ulama yang telah memberikan sumbangan besar dalam bidang dakwah Islamiyyah. Antara tokoh-tokoh yang terkenal ialah Datuk Seri Dr. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Tan Sri Dr. Mohd. Kamal Hassan dan ramai lagi. Selain dari tokoh-tokoh tersebut, kajian ini memfokuskan tentang seorang ulama nusantara iaitu Sheikh Nuruddin al-Banjari al-Makki, untuk mengkaji ketokohan dan sumbangannya dari segi dakwah Islamiyyah.

Sheikh Nuruddin al-Banjari al-Makki tidak hanya berperanan besar dalam menyebarkan ajaran Islam di Kalimantan Selatan, Indonesia pada masa dahulu, tetapi beliau juga memberikan sumbangan penting dalam dakwah Islam di Malaysia. Ketokohan Sheikh Nuruddin al-Banjari al-Makki banyak membuka mata umat Islam dalam menitik beratkan ajaran agama Islam dalam kehidupan.

Kajian Literatur

Terdapat dua fokus utama yang akan dibincangkan dalam kajian ini, iaitu:

Konsep Dakwah Islamiyyah

Nurwahidah Alimuddin (2007) dalam artikel kajian *Konsep Dakwah Dalam Islam* menyatakan bahawa konsep dakwah dalam Islam berkait rapat dengan unsur-unsur dakwah, di mana gagasan dan pelaksanaan dakwah tidak dapat dipisahkan dari keberadaan unsur-unsur agar mencapai hasil yang optimal. Istilah "dakwah", yang bermaksud mengajak. Ia juga diidentifikasi dalam berbagai konsep lain seperti propaganda, penerangan, penyiaran, pendidikan, dan pengajaran. Antara unsur-unsur dakwah yang dibahaskan dalam jurnal ini adalah subjek, bahan, metode dan tujuan dakwah.

Selain itu, konsep dakwah Islamiyyah juga dibahaskan dalam jurnal yang ditulis oleh Nurul Fajriani Mokodompit (2022) dalam artikel *Konsep Dakwah Islamiyyah*. Beliau menyatakan terdapat beberapa unsur yang penting dalam dakwah yang perlu dititikberatkan iaitu pelaku dakwah atau da'ie, metode dakwah, media dakwah, dan objek dakwah. Dalam kajiannya juga, disentuh tentang metode dakwah yang penulis keluarkan daripada surah An-Nahl ayat 125, iaitu *Al-Hikmah* (kebijaksanaan), *Al-Mau'idzah Al-Hasanah* (pengajaran yang baik), dan *Al-Mujadalah bil Al-lati Hiya Ahsan* (pertukaran pendapat yang baik). Akhir sekali, dimasukkan juga tinjauan berkaitan aspek bagi objek dakwah iaitu dari segi aspek usia, kelamin, sosiologi, ekonomi, punca pendapatan, dan golongan khusus yang lain.

Di samping itu, Zulkarnaini (2015) telah melakukan tinjauan kajian *Dakwah Islam di Era Modern* terhadap dakwah Islam dan menjelaskan masalah yang dihadapi di era moden atas sebab kurangnya perkembangan ilmu dakwah yang membuatnya tampak belum maju serta kesulitan dalam melaksanakan dakwah secara nyata. Dakwah di era moden menekankan penyesuaian dengan situasi masyarakat zaman kini, termasuk dalam hal materi, metode, dan media yang digunakan. Untuk mencapai keberkesanan dakwah, pelaku dakwah perlu memiliki pengetahuan luas, dapat menyampaikan pesan dakwah yang benar, menggunakan metode yang tepat, dan memilih media komunikasi sesuai dengan kemajuan masyarakat moden.

Seterusnya, menurut Nurhayati, Junaedi, dan Sahliah (2019) *Dakwah Islam Melalui Karya Sastra*, dakwah Islam juga dapat disebarkan melalui karya sastra berasaskan pada ayat 110 surah Ali-Imran dalam Al-Quran yang menjelaskan empat konsep dakwah iaitu konsep umat terbaik, sejarah, pentingnya kesedaran, dan etika profetik. Etika profetik dalam berdakwah melibatkan beberapa unsur seperti da'ie (pendakwah), pesan, media, metode, mad'u (objek dakwah), dan respons. Ini merangkumi tingkah laku seorang muslim yang mementingkan aspek dakwah dan mencerminkan nilai-nilai etika yang dibawa oleh nabi.

Seterusnya, Ramli (2015) dalam artikel beliau *Dakwah dan Jurnalistik Islam (Perspektif Dakwah Islamiyah)*, dakwah adalah suatu ilmu pengetahuan yang berisi cara-cara dan tuntunan, bagaimana ia dapat menarik perhatian manusia untuk menganut, menyetujui, melaksanakan suatu ideologi, pendapat dan pekerjaan yang tertentu. Oleh itu, dapat kita fahami, bahawa dakwah merupakan usaha untuk mengajak orang lain berdasarkan tuntutan Al-Quran dan Al-Sunnah dengan menggunakan pelbagai cara yang ada untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Selain itu, menurut artikel *Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0* karangan Rasinah Ahim (2020), dakwah islamiah sebelum era revolusi industri 4.0 menguasai dunia, disampaikan melalui lisan dan tulisan untuk disebarkan kepada individu ataupun kumpulan, sama ada secara bersemuka ataupun melalui bahan-bahan dokumentasi dan halaqah-halaqah ilmiah. Selari dengan perkembangan dan kemajuan teknologi, pendekatan dakwah Islamiah perlu berubah sesuai dengan perkembangan semasa. Ledakan teknologi internet dan automasi dalam era revolusi industri 4.0 ini secara langsung mempermudah dan melancarkan perjalanan dakwah Islamiah menjadi lebih meluas dan cepat tersebar. Namun selaras dengan sifatnya yang bebas dan terbuka kepada penyampaian dan penerimaan sebarang maklumat serta penggunaannya yang sukar dikawal, maka teknologi terkini turut berfungsi sebagai ejen untuk menyalurkan maklumat mengenai agama-agama lain, dakwah-dakwah palsu dan ajaran-ajaran sesat.

Seterusnya, Nia Kurniati (2023) menulis artikel *Al-Hikmah Dalam Dakwah Islamiyah* yang berkisar tentang al-hikmah dalam dakwah Islamiyyah. Dalam kajiannya, beliau menyatakan bahawa dakwah tidak terbatas hanya pada kalangan bangsa dalam satu negara, dan tidak cukup hanya untuk satu golongan dan kelompok masyarakat tertentu tetapi harus merupakan satu gerakan yang menyeluruh. Setiap muslim mendapat bagiannya, yang harus dilaksanakan sesuai menurut kemampuan dalam bidang dan kemahiran masing-masing. Antara kaedah yang terkandung dalam ayat Al-Quran dari surah An-Nahl ayat 125, adalah 'hikmah' iaitu satu permasalahan bagi seorang pendakwah untuk menentukan cara yang berkesan dalam menghadapi masyarakat dalam keadaan dan persekitaran tertentu.

Di samping itu, menurut pendapat Achmad Husain (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Dakwah Islamiyah Dan Tantangannya Di Era Digital*, dakwah Islamiyyah sesungguhnya menjadi kewajiban yang menyeluruh bagi kaum muslimin. Ianya termasuk dalam kategori (mukallaf) individu yang sudah bisa dikenai beban tanggung jawab dan (mumayyiz) individu yang telah mampu membedakan antara yang benar dan salah, serta antara baik dan buruk. Kewajiban dakwah Islam ini ada yang bersifat individual secara pribadi dan ada yang berbentuk kolektif melalui kelompok, jamaah atau organisasi.

Seterusnya, artikel *Pengembangan masyarakat Islam dalam sistem dakwah islamiyah* penulisan Mukhlis Aliyudin (2009), mengatakan dakwah terbahagi kepada empat bentuk iaitu

Tabligh Islam sebagai penerangan dan penyebaran islam, Irsyad Islam sebagai bimbingan dan penyuluh Islam, Tadbir Islam sebagai pembedayaan ummat dalam menjalankan ajaran Islam melalui lembaga-lembaga dakwah dan Tathwir Islam sebagai pengembangan masyarakat Islam.

Sumbangan Tokoh Ulama Dalam Sudut Dakwah Islamiyyah

Azmi Budin dan Mohamad Nazli Omar (2018) mengkaji tentang *Sumbangan Mualim Haji Wahid Dalam Bidang Dakwah Di Melaka*. Antara sumbangan beliau adalah menubuhkan Madrasah An-Nuriah, Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin, dan Pondok Baitul Qurra. Tambahan lagi, beliau juga berkhidmat memberi kuliah agama dan ceramah di dalam dan di luar negeri Melaka, serta mengarang kitab dan risalah-risalah kecil. Beliau juga menyumbang kearah pendekatan unsur dakwah yang berbeza mengikut tahap pemikiran masyarakat.

Selain itu, Tuan Guru Dato' Haji Harun Bin Taib juga antara tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam bidang dakwah di Malaysia. Kajian terhadap *Ketokohan Dan Sumbangan Dakwah Tuan Guru Dato' haji Harun Bin Taib Di Malaysia* dilakukan oleh Siti Sopia Sulaiman dan Khazri Osman (2021). Tuan Guru Dato Haji Harun Taib, seorang alumni Universiti Mesir, banyak memberi sumbangan dalam memajukan dakwah melalui keterlibatannya dalam gerakan politik PAS dari 1957 hingga 2014. Analisis berdasarkan artikel, jurnal, dan laporan sejarah mengungkapkan sumbangan Dato' Harun Taib dalam memperjuangkan agama Islam melalui gerakan politik, serta kebijaksanaannya dalam menetapkan pandangan Islam yang dapat dijadikan pembelajaran bagi generasi berikutnya.

Seterusnya, Asma Kholilah Mohaiyuddin dan Mohd Nizam Sahad (2016) melakukan kajian terhadap *Fathi Yakan dan Sumbangannya dalam Bidang Pemikiran Islam: Fathi Yakan and His Contributions in Islamic Thought*. Fathi Yakan merupakan figura yang amat dikenali dalam bidang dakwah, politik dan gerakan Islam. Beliau menjadikan bidang penulisan sebagai satu cara untuk menyebarkan ilmu dan pemikiran beliau. Sumber penulisan beliau adalah berdasarkan sumber utama Islam iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah yang menjadi pegangan utama kepada umat Islam.

Di samping itu, Puteri Nur Wani Yahya dan Khazri Osman (2021), menjalankan kajian ke atas *Ketokohan Datuk Haji Rahimin Bani Dalam Bidang Dakwah*. Datuk Haji Rahimin Bani memberikan sumbangan penting dalam bidang dakwah melalui peranannya di JAIM dan beliau juga pernah dijemput sebagai tetamu program "Secangkir Bicara: R & R Hati" di MelakaFM. Keterlibatannya dalam simposium dan seminar, baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, menunjukkan komitmennya dalam menyebarkan nilai-nilai dakwah dan Islam.

Tambahan pula, menurut Ain Zulaikha Jahaya dan Khazri Osman (2021) yang menulis artikel tentang *Ketokohan Ustazah Muridah Dalam Bidang Dakwah* dan menyatakan bahawa untuk berdakwah memerlukan objek dakwah serta metode-metode khusus. Objek dakwah disini bermaksud sasaran dakwah bermula daripada diri sendiri, ahli keluarga, masyarakat dan akhir sekali negara. Metode dakwah yang amat dianjurkan oleh Islam adalah dengan cara berhikmah, berpesan-pesan dalam keadaan baik dan juga bertukar pendapat dan fikiran melalui jalan yang baik dan berhikmah agar tujuan dan matlamat dakwah tadi dapat disampaikan dan diterima dengan baik oleh sasaran dakwah.

Akhir sekali, menurut pandangan Muhd Norazam Nordin, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Fatimah Nadhirah Mohd Noor dan Azmi Budin (2018) menulis artikel tentang *Sumbangan Syeikh Mohamed Idris Almarbawi dalam Dakwah Islamiyyah di Malaysia*. Beliau merupakan seorang tokoh yang banyak menyumbang dalam bidang penulisan dan telah dibuktikan menerusi karya agung terjemahan beliau iaitu Bahrul Mazi yang mana masih digunapakai untuk pembelajaran di masjid dan surau di Malaysia sehingga ke masa kini. Karya ini juga dijadikan rujukan untuk para pelajar yang mempelajari ilmu pengajian Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan secara kaedah kualitatif atau kaedah kajian rujukan perpustakaan bagi mengumpulkan data-data penting dalam mengetahui latar belakang serta sumbangan yang telah dilakukan oleh Sheikh Nuruddin Al-Banjari dalam menyebarkan dakwah. Maklumat yang dikumpulkan melalui bahan ilmiah seperti artikel, jurnal dan lain-lain lagi.

Latar Belakang Syeikh Nuruddin Al-Banjari

Biodata

Syeikh Nuruddin al-Banjari al-Makki atau nama penuhnya Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki bin H. Marbu bin Abdullah Tayyib. Beliau dikenali dengan gelaran kunyahnya iaitu Abu Muhammad (Yahsin & Haliky, 2018). Beliau berasal dari Indonesia dan dilahirkan di perkampungan "Harus", Amuntai, Banjarmasin, Kalimantan pada 1 September 1960 (Ramli, Farhah Zaidar Mohamed, Phayilah Yama, and Fadilah Zakaria). Syeikh Nuruddin al-Banjari al-Makki dilahirkan dalam sebuah keluarga yang cintakan agama dan ibunya yang bernama Hajjah Rahmah binti Haji Muhammad Sobri merupakan anak dari seorang tokoh ulama besar di Kalimantan Selatan Indonesia (Al-Fanshuri 2007). Beliau merupakan anak ketiga dari tujuh orang adik-beradik yang dikenali dengan Hajjah Ruminah, Haji Sudiannor, Haji Sufian Noor, Hajjah Noor Aina, Haji Zainal Arifin dan Hajjah Maimunah (Yahsin & Haliky, 2018).

Syeikh Nuruddin al-Banjari al-Makki menceritakan bahawa semasa kanak-kanak, beliau tidak mempunyai impian atau keinginan tertentu kerana faktor persekitaran tempat tinggalnya yang serba kekurangan. Pada tahun 1974, bersama-sama keluarga dan saudara-saudaranya, beliau memutuskan untuk berhijrah ke Mekah, menyusul kakak perempuannya yang terlebih dahulu berhijrah untuk menemani suaminya, Dr. Haji Muhammad Saberan Affandi, yang sedang menuntut di Universiti Madinah. Beliau hanya menetap di Harus Amuntai adalah lebih kurang 13 hingga 14 tahun sahaja, iaitu bermula dari tahun 1960 hingga 1974 (Yahsin & Haliky, 2018).

Selain itu, latar belakang dari segi pernikahan pula, beliau mempunyai tiga orang isteri. Isteri pertama beliau ialah Hajjah Husna Lc., seorang perempuan dari desa Telaga Silaba Amuntai yang dibawa ke Mekah untuk menemani beliau semasa berkuliah di Fakulti Syariah Universiti al-Azhar. Dalam masa yang sama, Hajjah Husna juga melanjutkan pelajaran di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar Kairo Mesir, dan memperoleh gelaran Lc. Mereka dikurniakan dengan 11 orang anak pada asalnya, dikatakan 5 orang anak mereka meninggal dunia dan 6 orang anak yang masih hidup, termasuk Muhammad, Abdullah, Umar, Sarah,

Hanan, dan Safiyah. Seterusnya, Isteri kedua beliau ialah Hajjah Abidah, dan dari perkahwinan ini mereka dikurniakan lima orang anak, seorang perempuan dan 4 orang lelaki, iaitu Nismah, Muhammad Athaillah, Muhsin, Dhiyauddin, dan Mujiburrahman. Manakala, isteri ketiganya bernama Nurhidayah, namun dari perkahwinan ini mereka belum dikurniakan sebarang anak (Yahsin & Haliky, 2018).

Pendidikan

Pendidikan Syeikh Nuruddin Al-Banjari bermula sejak kecil lagi dan beliau mengikuti pendidikan secara formal dan tidak formal. Beliau mula belajar Al-Quran dari ibu saudara dan kakak perempuannya, kemudian melanjutkan pendidikan ke Madrasah Ibtidaiyah (MI) sehingga tahun 1973. Setelah itu, beliau mengikuti pengajian di Madrasah Tsanawiyah (MTs) di Pondok Pesantren RAKHA Amuntai, sekolah rendah di kampung Harus. Namun, sebelum dapat menamatkan pengajian di pondok tersebut, beliau bersama keluarganya mengambil keputusan untuk berhijrah ke tanah suci Mekah. Kemudiannya, beliau meneruskan pengajiannya di Madrasah Shaulathiah sehingga tahun 1982. Selain itu, beliau juga menghadiri pengajian di Masjidil Haram dan di rumah para masyaikh (Al-Fanshuri 2007). Kegiatan belajarnya sangat padat, termasuk mempelajari kitab-kitab dengan sanad, sehingga dikenali sebagai ulama dengan banyak sanadnya. Tradisi sanad dianggap penting dalam keilmuan Islam, namun malangnya, tradisi ini semakin jarang berlaku (Yahsin & Haliky, 2018).

Pada tahun 1982, beliau berjaya menamatkan pengajiannya dengan kepujian mumtaz (cemerlang) di Madrasah Shaulathiah. Selama tempoh tersebut, beliau juga mengajar kitab Qatrunnada, Fathul Mu'in, 'Umdatussalik, Bidayatul Hidayah, dan lain-lain kepada pelajar dari Indonesia sebelum mereka naik ke kelas 'Aliyah (Al-Fanshuri 2007). Beliau merupakan pelajar kesayangan tuan guru al-Syaikh al-'Allamah Ismail Utsman Zain al-Yamani رحمه الله yang sekali gus memainkan peranan besar dalam kehidupan beliau. Tuan guru beliau dengan sukarela meluangkan masa berharganya untuk beliau, dengan sering mengajaknya ke Madinah untuk menghadiri program agama, dan juga bersama-sama menziarahi maqam Rasulullah (Al-Fanshuri 2007).

Menurut Al-Fanshuri (2007), beliau banyak menimba ilmu daripada ulama-ulama yang terkemuka di Mekah dan membina hubungan baik dengan para gurunya. Antara guru-guru Syeikh Nuruddin Al-Banjari ketika belajar di Mekah dan Mesir ialah Syeikh Hasan al-Mashat, Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani, Syeikh Ismail Uthman Zayn al-Yamani al-Makki, Syeikh Abd Allah Said al-Lahji, Syeikh 'Amos, Syeikh Muhammad 'Iwad al-Yamani, Syeikh Zakaria Bila al-Indonesia, Syeikh Muhammad Syibli al-Banjari, Syeikh Karim al-Banjari, Syeikh Abd al-Karim al-Bukhari, Syeikh Adnan al-Afnani, Syeikh Sayf al-Rahman, Syeikh Sahili al-Anfanani, Syeikh Said al-Bakistani, Syeikh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi, Syeikh Abd al-Qadir al-Saggaf, Syeikh Muhammad Muntashir al-Kattani al-Maghribi, Syeikh Muhammad Alawi al-Maliki, Syeikh Muhammad Makki al-Hind, Syeikh Muhammad Makhluaf, Syeikh Abd Allah bin Hamid, Syeikh Muhammad Mutawalli al-Syarawi, Syeikh Ali Jadul Haq, Syeikh Muhammad Zaki Ibrahim, Dr. Syeikh Muhammad Tayyib al-Najjar, Syeikh Muhammad Abd al-Wahid, Syeikh Abul Hasan Ali al-Nadwi, Syeikh Atiyyah Saqr, Syeikh Abd al-Hafiz al-

Hind, Dr. Ahmad Umar Hashim, Dr. Abd al-Shobur Shahin, Dr. Yusuf Mahyuddin al-Hasani dan lain-lain (Ramli, Farhah Zaidar Mohamed, Phayilah Yama, and Fadilah Zakaria).

Melalui penulisan Al-Fanshuri (2007), pada tahun 1983, Syeikh Nuruddin Al-Banjari telah melanjutkan pelajarannya di Universiti al-Azhar asy-Syarif dalam bidang syariah sehingga meraih gelaran sarjana muda. Setelah itu, beliau meneruskan pengajian di Ma'had 'Ali Liddirasat al Islamiah di Zamalik sehingga berhasil memperoleh diploma 'am "Dirasat 'Ulya" pada tahun 1990.

Ketokohan dan Sumbangan Syeikh Nuruddin Al-Banjari dalam Dakwah Islamiyyah

Sheikh Nuruddin al-Banjari boleh dikatakan hampir menguasai semua bidang dalam pengajian ilmu agama yang diantaranya adalah ilmu akidah, fiqh, hadis, tasawuf dan lain-lain lagi. Sheikh Nuruddin Al-Banjari juga banyak memainkan peranan dalam menyebarkan dakwah di serata tempat di Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan sebagainya. Sebagai contoh, beliau pernah mengajarkan ilmu kepada para pelajar di Indonesia dengan mengajar kitab Qatrunnada, Fathul Mu'in, Bidayatul Hidayah dan lain-lain sementara menyambung di peringkat yang lebih tinggi ketika masih lagi di awal remaja (Al-Fanshuri, 2007). Setelah selesai pendidikan di al-Azhar, Sheikh Nuruddin al-Banjari mula menumpukan segala perhatiannya terhadap pengajaran ilmu-ilmu kepada para pelajar dari Asia, seperti Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand, yang sedang menuntut ilmu di Universiti al-Azhar. Sehubungan dengan itu, berkat kesungguhan dan ketulusan beliau serta banyaknya jamaah pengajian yang diberi nama 'Majlis al-Banjari li Tafaquh fi ad-din', beliau mendapat gelaran kehormatan daripada mahasiswa al-Azhar dengan gelaran 'al-Azhar Tsani' yang bermaksud Azhar kedua. (Yahsin & Haliky, 2018)

Seterusnya, di Mesir terdapat satu stesen televisyen iaitu 'TV al-Muttaqin' yang disiarkan oleh pelajar dari Kedah di mana siarannya telah sampai ke negara Jepun dan Korea. Stesen TV tersebut sering menayangkan ceramah-ceramah dan kegiatan keagamaan Sheikh Nuruddin al-Banjari melalui jaringan internet bahkan dapat di akses dengan lebih meluas walaupun tidak berada di tempat tersebut (Yahsin & Haliky 2018). Ini dapat membuktikan walaupun Syeikh Nuruddin al-Banjari tidak dapat berdakwah dari satu tempat ke tempat yang lain mungkin disebabkan halangan di perjalanan, namun dengan adanya kemudahan yang disediakan oleh pelajarnya, dapat beliau menyebarkan dakwahnya terhadap masyarakat dengan berkesan lebih-lebih lagi pada zaman teknologi sekarang ini.

Pada tahun 2017, Sheikh Nuruddin Al-Banjari lebih banyak menghabiskan waktunya di Indonesia dan Malaysia. Beliau mengajar di Maahad az-Zein Bogor dalam tempoh sepuluh hari pada setiap bulan, selebihnya beliau menghabiskan hari beliau dengan bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di Malaysia untuk menghadiri majlis ilmu secara rutin dan telah menetapkan jadual selama tempoh satu tahun. Jadualnya bermula dari kuliah maghrib di sebagian tempat yang disertai dengan sesi soal jawab, yang terkadang dilanjutkan sehingga selepas solat Isya, seterusnya tazkirah jumaat, kuliah dhuha, pengajian Asar, kuliah Subuh, pengajian lewat malam, talaqqi kitab bulanan, kuliah Zohor dan lainnya. (Yahsin & Haliky 2018).

Walaupun jadualnya padat dengan ceramah dan majlis-majlis ilmu, Sheikh Nuruddin al-Banjari sangat bersungguh-sungguh dalam dunia dakwah dan aktif dalam penyebaran ajaran Islam. Ini menunjukkan khidmatnya dalam penyebaran ilmu agama tidak boleh dipandang remeh, dan ianya dibuktikan lagi dengan penubuhan cawangan pondok baru di Malaysia yang dibangunkan pada tiga tempat, iaitu yang pertama di Pahang yang bernama Maahad an-Nur, yang kedua di Sabah yang bernama Maahad al-Makky dan yang terakhir adalah di Johor yang bernama Maahad 'Ashhab as-Suffah (Yahsin & Haliky 2018). Keterlibatannya dalam bidang pengajian ilmu agama sepatutnya meraih penghargaan sehubungan dengan usaha yang beliau lakukan demi keterlangsungan dakwah dalam kalangan masyarakat.

Di samping aktif dalam penyebaran dakwah, Sheikh Nuruddin Al-Banjari juga banyak menceburkan diri dalam bidang penulisan. Hal ini demikian kerana beliau merupakan seorang ulama yang sangat produktif dalam penulisan karya dimana ianya banyak memberikan sumbangan dari segi ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Karya-karya yang telah beliau terbitkan seringkali diguna pakai oleh guru-guru dan pelajar-pelajar dalam sektor pendidikan samada dalam pengajian dan pembelajaran di sekolah, mahupun dalam bidang penyelidikan. (Yahsin & Haliky 2018)

Karya-Karya Yang Dihasilkan

Syeikh Nuruddin al-Banjari mula menulis dan menerbitkan karya-karyanya semenjak tahun 1991 lagi. Beliau telah menghasilkan beberapa karya penulisan dan mentahkik kitab-kitab muktabar. Kitab pertama yang beliau tulis adalah al-Ihathah yang diterbitkan tahun 1991 iaitu yang membahas tentang darah haid, nifas dan istihadhah (Yahsin & Haliky 2018). Kebanyakan penulisannya adalah dalam bahasa Arab, namun ada juga penulisannya yang berkaitan dengan terjemahan kitab dalam bahasa Melayu dan Indonesia (Ramli, Farhah Zaidar Mohamed, Phayilah Yama, and Fadilah Zakaria).

Sehingga kini, buku dan karya yang diterbitkan Syeikh Nuruddin al-Banjari banyak menjadi rujukan dalam kalangan pelajar, mahasiswa, dan umat Islam di Timur Tengah, seperti Mesir, Jordan, Yaman, dan Hadramaut. Tidak ketinggalan juga di Asia, termasuk Malaysia, Singapura, Selatan Thailand, dan Indonesia. Puluhan karya penulisan telah dihasilkan yang dicatat sehingga tahun 2008, antara karya tersebut adalah kitab asli, kitab tahqiq, dan kitab terjemahan. Tambahan pula, Syeikh Nuruddin al-Banjari terus bergiat dalam aktiviti penulisan, sehingga jumlah karya yang dihasilkannya terus bertambah, bahkan mencecah lebih 100 buah karya, baik penulisan asli mahupun terjemahan buku lain. Kecekalan dan produktiviti beliau dalam penulisan menjadikan beliau dikenali sebagai ulama Banjarmasin dengan jumlah karya terbanyak (Yahsin & Haliky, 2018).

Antara hasil karya penulisan Syeikh Nuruddin Al-Banjari (Al-Fanshuri (2007), Yahsin & Haliky, (2018)):

a) Karya Penulisan (Ta' Lif) dalam Bidang Fiqh:

Al-Ihathah bi Ahamm Masa'il al-Haydh wa an-Nifas wa al-Istihadhah, Ahkam al-'Iddah fi al-Islam, Al-Istihla' Ara' al-Ulama' Hawla Qawl al-Lah 'Alaih wa Sallam: Lan

Yuflih Qawm Wallaw Amraham Imra'ah, Ma'lumat Tahammuk Hawla Asbab al-Ikhtilaf bayna al-Fuqaha', Al-'Amr bi al-Ma'ruf wa an-Nahy 'an al-Munkar fi al-Kitab wa as-Sunnah, Ad-Durar al-Bahiyah fi 'Idhah al-Qawa'id al-Fiqhiyah, Ifadat al-Ikhwan bi 'Adillat Tahrim Syarb ad-Dukhan, Fatawa wa Aqwal al-Ulama' al-Muslimin Hawla ad-Dukhan wa at-Tadkhin, Safar al-Mar'ah, Ayyuha al-Kiram Dharb ad-Dufuf fi al-Masjid al-Haram, Zubdat al-Qawa'id al-Fiqhiyah, Adillat Tahrim Naql al-Adha al-Adamiyah dan Hukum Menggali dan Memindah Kubur.

b) Karya Penulisan (Ta'Lif) dalam Bidang Hadis:

Al-Ahadits al-Musalsalah, Adab al-Musafahah, Makanat al-'Ilm wa al-Ulama' wa Adab ath-Thalib al-'Ilm, Al-'Ibar bi Ba'dh Mu'jizat Khayr al-Basyar, Al-Awa'il wa al-Awakhir wa al-Asanid, Asma' ath-Thalib bi Ba'dh al-Ahadits Sayyidina Ali bin Abi Thalib, Al-Kawakib ad-Durr min Ahadits Abi Sa'id al-Khudri, Al-Maskh fi al-Kitab wa as-Sunnah, Ha'ula'i fi Shahabah Mala'ikat al-Kiram, Ha'ula'i fi Sabil al-Lah,, Ha'ula'i La Tamassuhum an-Nar Yawm al-Qiyamah, Ha'ula'i Lahum Buyut wa Qushur fi al-Jannah, Ha'ula'i Lahum Syafa'ah, Dhu'afa' al-Muslimin wa Makanatuhum 'Inda al-Lah, Majal ash-Shadaqah fi al-Islam, At-Tamassuk bi al-Kitab wa as-Sunnah, Al-Yaqin, Faydh 'Illah min Ahadits Jabir bin Abdullah, Man Huwa al-Mahdi al-Muntadzar, Al-Walimah, Al-Jawahir al-Hisan min Ahadits Sayyidina Usman bin 'Affan (Kumpulan Hadis Nabi Riwayat Sepuluh Sahabat), Arba'un Haditsan min Arba'in Kitaban fi al-Hadits (Bingkisan Perpindahan 40 Mutiara Hadis dari 40 Buah Kitab), Isra' Mikraj, Rahsia Keutamaan Solat Subuh.

c) Karya Penulisan (Ta'Lif) dalam Bidang Tasawuf adalah An-Nafa'is Ad-Durar Wa Al-Hikam.

d) Karya Penulisan Berbentuk Kitab-Kitab Tahqiq, I'dad, Tahdzib Wa Taqdim, Taqdim Wa Ta'liq, Tartib Wa Taqim dalam Bidang Fiqh:

Khusus ar-Rasul Ta'lif al-Imam al-Hafizh Ahmad bin Muhammad al-Qasthallani, Iqamat al-Hujjah 'ala al-Ikhtishar fi Ta'abbud Laysa bi Bid'ah, Raf al-'Astar 'an Dim'i al-Hajj wa al-I'timar, Qurrat al-'Ayn bi Fatawa Isma'il az-Zayn, Syuruth al-Hajj 'an al-Ghayn, Taufiq al-Bari li Tudhih wa Tukmil Masa'il al-'dhah li Imam an-Nawawi, Bayan Mufti Juhhuriyah Mishr al-'Arabiyah Hawla Fawa'id al-Bunuk fi Ahl al-'Ilm, Ad-Durar ats-Tsaniyah fi Rudd al-Wahhabiyah Ta'lif as-Sayyid Ahmad Zayni Dahlan, Ar-Riddah fi al-Kitab wa as-Sunnah, dan Rasa'il Hammah wa Mabahits Qimah.

e) Karya Penulisan Berbentuk Kitab-Kitab Tahqiq, I'dad, Tahdzib Wa Taqdim, Taqdim Wa Ta'liq, Tartib Wa Taqim dalam Bidang Hadis:

Tahdzib al-Misykat al-Mashabih, Al-Mukhtar min al-Ahadits al-Qudsiyah dan Al-Iqtibas min Ahadits Abdullah bin 'Abbas;

f) Karya Penulisan Berbentuk Kitab-Kitab Tahqiq, I'dad, Tahdzib Wa Taqdim, Taqdim Wa Ta'liq, Tartib Wa Taqim dalam Bidang Tasawuf:

Risalat al-Mu'awanah wa Muzhaharah li ar-Raghibin min Mu'minin fi Suluk ath-Thariq al-Akhirah, Bustan al-Arifin li al-Imam Zakariyya Muhiddin bi Saraf an-Nawawi, An-Nasha'ih ad-Diniyah wa al-Washaya al-Imaniyah al-Habib Abdullah bin 'Alawi al-Haddad dan Umdat as-Salikin wa Uddat an-Nasik.

g) Karya Penulisan Berbentuk Kitab-Kitab Umum:

Manaqib asy-Syafi'i, Al-Khairat al-Hisan fi Manaqib al-Imam al-A'zham Abi Hanifah, Al-Hasan al-Bashri, Al-Imam asy-Syafi'i Sayyid al-Imam wa Mujaddid al-Ummah dan Al-Mukhtar min Nawadir al-'Arabi wa Thara'ifihim.

h) Karya Penulisan yang Menggunakan Bahasa Arab-Indonesia:

Zubdat al-Qawa'id al-Fiqhiyah Kaedah-Kaedah Fiqih Pilihan dan Mukhtashar an-Nasha'ih ad-Diniyah wa al-Washaya al-Imaniyah al-Habib Abdullah bin 'Alawi al-Haddad (Ringkasan Nasehat Agama dan Wasiat Iman Habib Abdullah Alawi al-Haddad).

i) Kitab-Kitab yang Diterjemakan ke dalam Bahasa Melayu:

Darah-darah Haid, Nifas dan Istihadhah, Berpegang Teguh dengan Kitab dan Sunnah, Isra' Mikraj dan Dakwaan Batil Serta Jawabannya, Hukum-hukum Iddah di dalam islam, Kedudukan Orang-orang yang Lemah dan Miskin di Sisi Allah, Hukum Menggali dan Memindah Kubur, Mereka yang Berada di Jalan Allah, Bersama Para Malaikat, Mereka yang Dibebaskan Allah dari Api Neraka, Mereka yang Mendapatkan Istana dan Mahligai di dalam Surga, Sarana Sedekah di dalam Islam, Mereka yang Mendapatkan Syafa'at dari Rasulullah, Perubahan Bentuk Menurut Alquran dan Sunnah, Bekalan Seorang Abid dari Hadis Anas bin Malik, Curahan Rahmat Allah dari Hadis-hadis Jabir bin Abdullah, Cahaya-cahaya Bintang di Langit dari Hadis-hadis Abi Sa'id, Himpunan dari Hadis-hadis Ibn Abbas, Kenduri dalam Islam, Gejala Murtaf Mengikut Pandangan Al-Quran dan as-Sunnah, Bingkisan Perpisahan 40 Mutiara Hadis dari 40 Buah Kitab, Faedah Bank Menurut Pandangan Islam, Martabat Ulama, Hadis Musalsalah, Pendapat Ulama tentang Kepemimpinan Wanita dan Imam Syafi'i Penghulu Imam dan Pembaharu Umat.

j) Kitab-Kitab yang Diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia:

Hukum Menjual Terbang di dalam masjid Menurut Pandangan Islam, Kumpulan Hadis Nabi Riwayat sepuluh Sahabat (2 jilid), Hadis-hadis Qudsi Pilihan (2 jilid), dan Lelucon Orang-orang Arab.

Kesimpulan

Melalui kajian ini, jelas bahawa Sheikh Nuruddin Al-Banjari merupakan seorang tokoh ulama yang dikenali ramai dalam konteks penyebaran dakwah islamiyyah. Banyak sumbangan beliau yang dapat kita hargai dan mengambil iktibar dalam usaha beliau menyampaikan ilmu dan pengetahuan agama berlandaskan syariat Islam ke serata dunia. Dengan usaha dan penat lelah beliau, memberikan hasil yang dapat memberi kefahaman agama yang jelas kepada orang ramai sama ada melalui ceramah, video mahupun karya beliau sendiri. Para pembaca boleh mengambil manfaat daripada kajian ini, iaitu dengan mengenali tokoh ulama ini selain daripada ulama-ulama yang terkemuka yang lain sebagai salah satu rujukan dalam ilmu agama. Akhir kata, kami berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada orang ramai terutamanya kepada generasi muda belia agar dapat membentuk generasi muda yang berilmu dan berwawasan kepada negara.

Rujukan

- Ahim, R. (2020). Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions*, 5(1).
- Alimuddin, N. (2007). Konsep Dakwah Dalam Islam. *HUNAFSA: Jurnal Studia Islamika*, 4(1), 73-78.
- Aliyudin, M. (2009). Pengembangan masyarakat Islam dalam sistem dakwah islamiyah. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, 4(14), 777-792.
- Budin, A., & Omar, M. N. (2018). Sumbangan Mualim Haji Wahid Dalam Bidang Dakwah Di Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 1(1), 137-153.
- Dakwah Islamiah, T. KETOKOHAN USTAZAH MURIDAH DALAM BIDANG DAKWAH.
- Husain, A. (2020). Dakwah Islamiyah Dan Tantangannya Di Era Digital. *Al-Munqidz: Jurnal Kajian Keislaman*, 8(1), 104-118.
- Kurniati, N. (2023). Al-hikmah dalam dakwah islamiyah. *HIKMAH: Jurnal Dakwah & Sosial*, 10-14.
- Mohaiyuddin, A. K., & Sahad, M. N. (2016). Fathi Yakan dan Sumbangannya dalam Bidang Pemikiran Islam: Fathi Yakan and His Contributions in Islamic Thought. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18, 115-144.
- Mokodompit N. F. (2022). KONSEP DAKWAH ISLAMIYAH. *Ahsan: Jurnal Dakwah dan Komunikasi* Vol. 1, No. 2, 2022.
- Nordin, M. N., Ghani, M. Z. A., Noor, F. N. M., & Budin, A. (2018). Sumbangan Syeikh Mohamed Idris Almarbawi dalam Dakwah Islamiyyah di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*,

1(1), 15-26.

Nurhayati, E., Junaedi, D., & Sahliah, S. (2019). Dakwah Islam Melalui Karya Sastra. *Hanifiya: Jurnal Studi Agama-Agama*, 2(2), 105-112.

Ramli, F. Z. M., Yama, P., & Zakaria, F. PENGKARYAAN AL-THABAT DALAM ILMU HADIS: ANALISIS AL-AWA'IL WA AL-AWAKHIR WA AL-ASANID KARYA SYEIKH NURUDDIN MARBU AL-BANJARI.

Ramli, R. (2015). Dakwah dan Jurnalistik Islam (Perspektif Dakwah Islamiyah). *KOMUNIDA: Media Komunikasi dan Dakwah*, 5(1), 10-30.

Taib, H. KETOKOHAN DAN SUMBANGAN DAKWAH TUAN GURU DATO'HAJI HARUN BIN TAIB DI MALAYSIA.

Yahya, P. N. W., & Osman, K. KETOKOHAN DATUK HAJI RAHIMIN BANI DALAM BIDANG DAKWAH.

Yahsin, H. (2018). Metode Syekh Nuruddin Marbu dalam Menyusun Kitab Makânat al-'Ilm wa al-'Ulamâwa Âdâb Thâlib al-'Ilm.

Zulkarnaini, Z. (2015). Dakwah Islam di Era Modern. *Jurnal Dakwah Risalah*, 26(3), 151-158.

Al-Fanshuri, (2008). Biografi Syeikh Nuruddin.
<http://syeikhnuruddin.blogspot.com/2008/01/biografi-syeikh-nuruddin.html>